

Cuepacs mahu kandungan piagam pelanggan dikaji semula

BH 6 FEB 2000

KOTA BHARU: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta kerajaan mengkaji semula kandungan piagam pelanggan bagi memastikan keberkesanannya berikutan penyelarasan cuti Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan.

Setiausaha agungnya, Abdul Rahman Manan, berkata kajian semula itu dianggap perlu kerana ada antara kandungan piagam berkenaan tidak bersesuaian lagi dengan keadaan semasa berbanding ketika penggubalannya.

"Kandungan piagam pelanggan itu

perlu dikaji bagi menjamin perkhidmatan di kalangan kakitangan sektor awam menjadi yang terbaik di samping dapat meningkatkan produktiviti pekerja.

"Demi kepentingan semua pihak, Cuepacs berharap kakitangan sektor awam perlu bersedia sentiasa bersikap cekap dan cepat dalam melayan pelanggan, selaras matlamat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi khidmat cemerlang setiap masa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika menghadiri majlis jamuan sempena sambutan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Cuepacs Kelantan di sini, petang semalam.

Menurutnya, cuti tambahan dua hari sebulan yang diberi kerajaan itu wajar menjadi pendorong kepada kakitangan sektor awam memberi perkhidmatan lebih baik kerana mereka kini mempunyai lebih banyak masa untuk berehat.

Abdul Rahman berkata, Cuepacs turut bertejima kasih kepada kerajaan kerana memberi kelonggaran kepada kakitangan yang bekerja mengikut syif untuk turut menikmati pelepasan cuti Sabtu ketiga setiap bulan.

"Kita berasa mereka terbabit (pekerja mengikut syif) juga harus menikmati cuti berkenaan selepas tidak berpeluang memanfaatkan kelonggaran bercuti pada setiap Sabtu pertama.

"Jadual penambahan waktu bekerja mereka kini tertakluk kepada ketua jabatan dan kita harap semua jabatan serta agensi terbabit dalam melak-

sanakannya," katanya.

Beliau berkata, keputusan kerajaan memendekkan waktu makan tengah hari dari satu jam 15 minit sebelum ini kepada sejam sebagai antara langkah menggantikan cuti Sabtu ketiga, dianggap munasabah kerana kakitangan tidak memerlukan masa yang terlalu panjang untuk makan.

Mengenai cadangan bekerja lima hari seminggu di kalangan kakitangan awam, Abdul Rahman berkata Cuepacs memahami masalah yang mungkin timbul di pihak kerajaan sekiranya saranan itu dilaksanakan secara mengejut.

"Kita memang ada minta kerajaan laksanakan, tetapi kita juga memahami kerajaan mempunyai alasan tertentu untuk tidak berbuat demikian buat masa sekarang.

"Ini kerana pelaksanaan bekerja lima hari seminggu dengan serta-merta boleh mendatangkan kesan terhadap pelabur selain mungkin timbul masalah pentadbiran, urusan bank dan sebagainya.

"Cuepacs sedia berbincang dengan kerajaan berhubung perkara ini dan besar kemungkinan kita akan cuba menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam bulan ini bagi tujuan itu," katanya.

Mengulas kenaikan gaji 10 peratus yang diumumkan pada Belanjawan 2000 tahun lalu, beliau berkata Cuepacs berharap pembayaran yang bakal dibuat merangkumi tunggakan jika penguatkuasaannya kekal pada 1 Januari lalu.